

**KM JAS 31/2024**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

**ADUAN PENCEMARAN BAU DAN OPERASI KILANG E-WASTE HARAM DI  
KAWASAN PERINDUSTRIAN SEGAMAT 2,  
MUKIM POGOH, DAERAH SEGAMAT, JOHOR**

**PUTRAJAYA** – Susulan 17 aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar daripada penduduk berhampiran Kawasan Perindustrian Segamat 2, JAS telah melakukan pemantauan berterusan dan telah membuat pemeriksaan di kawasan terbabit yang melibatkan tujuh (7) premis yang berpotensi menyebabkan berlaku pencemaran. Siasatan mendapati lima (5) premis telah melakukan pelanggaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Buangan-buangan yang diproses oleh premis-premis tersebut adalah;

- i. Buangan bateri litium (SW103) - 1 premis;
- ii. Aluminium dros (SW104) - 2 premis;
- iii. Buangan e-waste (SW110) - 1 premis; dan
- iv. Buangan kabel yang tercemar dengan buangan terjadual (SW422) - 1 premis

Hasil siasatan pada 16 Julai 2024 dan 12 Ogos 2024 mendapati lima (5) premis **Tidak Patuh** kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan telah dikenakan **tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK)** di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menghentikan pencemaran daripada terus

berlaku yang seterusnya boleh mengganggu kesihatan awam. JAS juga sedang melengkapkan kertas siasatan bagi tindakan perundangan ke atas premis-premis tersebut.

Denda setiap kesalahan yang boleh dikenakan terhadap premis-premis tersebut jika disabitkan adalah:

- i. Seksyen 18(1): **Denda tidak lebih Dua Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit (RM250,000.00) atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya;**
- ii. Seksyen 19: **Denda tidak lebih Dua Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit (RM250,000.00) atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya;**
- iii. Seksyen 34A(6): **Dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000.00 dan tidak melebihi RM1 juta; dan**
- iv. Seksyen 34B (1)(a): **Dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000.00 dan tidak melebihi RM10 juta.**

JAS akan meneruskan pemantauan di Kawasan Perindustrian Segamat 2 bagi mengenalpasti sekiranya masih terdapat premis memproses buangan terjadual yang beroperasi tanpa kelulusan JAS.

Kerajaan memandang serius terhadap jenayah alam sekitar dan ini sudah diterjemahkan melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat. Semua pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar. AKAS 1974 yang telah dipinda dan mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 telah memberi keutamaan

kepada pindaan hukuman, denda dan penalti di mana melibatkan julat kadar denda antara RM5,000 hingga RM10 juta, selain penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Selain itu, kadar kompaun juga ditingkatkan daripada maksimum RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan. Pihak industri hendaklah memainkan peranan penting dalam memastikan operasi kilang atau premis mereka memenuhi semua keperluan perundangan alam sekitar dan tidak melakukan pencemaran alam sekitar. Konsep pematuhan sendiri perlulah dibudayakan dan setiap tindakan atau keputusan yang diambil hendaklah mengambil kira elemen pengurusan alam sekitar yang baik.

Sehubungan itu, setiap anggota masyarakat perlu bertindak dengan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar mengenai aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar untuk tindakan penguatkuasaan. Sebarang aduan berkaitan pencemaran alam sekitar boleh disalurkan melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

**14 OGOS 2024**